

## Tinjauan Awal Terhadap Modul Teras Fiqh Forensik Bagi Kegunaan Pegawai-Pegawai Syariah Di Malaysia

*A Preliminary Review on Fiqh Forensics Fundamental Module for the Use of Shariah Officers in Malaysia*

Ahmad Syukran Baharuddin<sup>a,b\*</sup>, Wan Abdul Fattah Wan Ismail<sup>a,b</sup>, Lukman Abdul Mutalib<sup>a,b</sup>, Muhammad Hazim Ahmad<sup>a,b</sup>, Badlihisham Mohd Nasir<sup>c</sup>, Mohamad Amir Wan Harun<sup>d</sup>

<sup>a</sup>*Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan*

<sup>b</sup>*Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary, Institut Sains Islam, 71800, Nilai, Negeri Sembilan*

<sup>c</sup>*Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bharu, Johor*

<sup>d</sup>*Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia*

\*Corresponding author: abhmadsyukran@usim.edu.my

### Article history

Received: 2019-01-06

Received in revised form: 2019-03-21

Accepted: 2019-07-07

Published online: 2019-10-07

### Abstract

The advancement in the field of forensic science highly affects the legal and enforcement field. As for the Shariah law, Syariah officers in Malaysia face challenges in controlling scientific-based exhibits and evidence. This has been seen as a result of lack of exposure, knowledge and comprehensive training in evidencing procedures using scientific-based qarinah. This preliminary study discusses the proposal to establish fiqh forensics fundamental module for the use of Syariah officers in Islamic legal institutions in Malaysia. This qualitative study applied inductive and deductive approaches in obtaining general and specific conclusion from primary and secondary sources. The findings show that there is a need to propose for the development of a specific module to empower human capital which includes enforcement, shariah prosecutors, judges and registrars within the integration framework of forensic science integration and fiqh based on the concept of 'fiqh forensics'. As such, this study addresses the proposed development of the fiqh forensics fundamental module for the use of shariah legislation.

Keywords: Fiqh Forensics, Forensic Science, Science and Religion, Shariah Law, Module

### Abstrak

Kemajuan dalam bidang sains forensik memberi pengaruh yang besar terhadap bidang perundangan dan penguatkuasaan. Bagi perundangan Syariah, pegawai-pejawai Syariah di Malaysia menghadapi cabaran untuk mengendalikan eksibit-eksibit dan bukti-bukti bersifat saintifik. Hal ini dilihat adalah kesan daripada kurang mendapat pendedahan, pengetahuan serta latihan yang komprehensif berkaitan prosedur pembuktian melalui qarinah saintifik. Kajian awalan ini membincangkan tentang cadangan untuk mewujudkan suatu modul teras fiqh forensik bagi kegunaan pegawai-pejawai Syariah dalam institusi-institusi perundangan Islam di Malaysia. Kajian kualitatif ini mengaplikasi pendekatan induktif dan deduktif bagi menghasilkan kesimpulan umum dan khusus daripada sumber primer dan sekunder. Hasil kajian menunjukkan bahawa wujudnya keperluan untuk mengusulkan pembinaan modul khusus bagi memperkasa modal insan termasuk penguatkuasa, pendakwa syarie, para hakim dan pendaftar dalam kerangka integrasi sains forensik dengan fiqh berdasarkan teori 'fiqh forensik'. Oleh hal yang demikian, kajian ini mengutarakan syor pembinaan modul teras fiqh forensik bagi kegunaan perundangan syariah.

Kata Kunci: Fiqh Forensik, Sains Forensik, Sains dan Agama, Undang-undang Syariah, Modul

## 1.0 PENGENALAN

Dunia diramalkan akan menyaksikan pertumbuhan pelaburan dalam bidang sains forensik mencecah hampir USD 20 bilion menjelang tahun 2022. Kesannya, badan-badan kerajaan di seluruh dunia sedang berlumba-lumba mendominasi pelaburan ke arah memperkasakan penyelidikan dan modal insan dalam sains forensik (BIS Research, 2017). Pada masa yang sama, jurang akademia dan industri yang besar telah berlaku terhadap aplikasi sains forensik dalam perundangan Islam. Masih tiada pembaharuan dilakukan sekalipun aplikasi sains forensik telah dibawa ke mahkamah syariah sejak tahun 2007. Bahkan, pelbagai kes digugurkan hanya kerana kurangnya pengetahuan dan latihan bagi mengendalikan eksibit-eksibit berkaitan sains forensik dalam kes-kes terbabit. Kecekapan pegawai-pegawai syariah juga boleh dipertikaikan dalam mengendalikan instrumen berkaitan analisis forensik di tempat kejadian. Ironinya, segala impak negatif ini dikesan berpunca daripada ketiadaan modul khusus kurikulum dan latihan bagi pegawai-pegawai syariah yang mengendalikan bukti-bukti forensik yang terbabit. Sekiranya tiada langkah proaktif dimulakan, sistem perundangan Islam khususnya dari aspek pembuktian akan kecinciran jauh dan mungkin memberi tanggapan negatif kepada masyarakat yang ianya tidak cekap bagi menyelesaikan masalah sejagat. Tinjauan awal berbentuk kualitatif ini menggunakan metode analisa kandungan terhadap data yang berkaitan. Hasil menunjukkan bahawa wujudnya keperluan untuk mengusulkan pembinaan modul khusus bagi memperkasa modal insan iaitu pegawai-pegawai syariah termasuk penguatkuasa, pendakwa syarie, hakim dan pendaftar menerusi kerangka integrasi sains forensik dengan fiqh yang berlandaskan teori ‘fiqh forensik’.

## 2.0 SOROTAN LITERATUR

Secara umumnya, literatur yang terdapat dalam bidang kajian ini dapat dirumuskan kepada dua bahagian, epistemologi fiqh forensik dan tinjauan pembinaan modul latihan/akademik bagi pegawai syariah dalam bidang sains forensik.

### 2.1 Epistemologi Fiqh Forensik

Terma ‘fiqh forensik’ bukanlah sesuatu perkara yang baharu jika dinilai secara konsepnya, namun, ia kelihatan seperti suatu terma yang moden dan kontemporari kerana ia merupakan hasil dari gabungan perkataan Arab ‘fiqh’ dan perkataan Latin ‘forensis’. Secara linguistik, menurut Ibnu al-Athir (1979), fiqh bermaksud kefahaman terhadap sesuatu perkara. Fiqh secara istilah pula, menurut al-Jurjānī (1983) adalah ilmu berkenaan hukum-hakam syarak yang bersifat amali atau praktikal yang diambil dari dalil-dalil secara terperinci. Manakala ‘forensik’ pula diambil dari perkataan bahasa Latin ‘forensis’ ataupun daripada perkataan ‘forum’ yang asalnya digunakan untuk menunjukkan satu proses perdebatan dalam perbicaraan (Garner, 2009). Secara istilah, Sains forensik ditakrifkan sebagai aplikasi amalan saintifik atau teknikal kepada identifikasi, pengumpulan, analisis dan tafsiran terhadap bahan bukti untuk undang-undang jenayah dan sivil atau isu pengawalseliaan (Ahmad Syukran, Aminuddin, & Abdul Rahim, 2015; Metwally, 2019). Ahmad Syukran (2014, 2017a, 2017b) membawa sebuah konsep baharu ‘fiqh forensik’ yang dapat difahami sebagai pemahaman melalui konteks agama Islam yang melibatkan integrasi secara langsung antara bidang sains forensik dengan Syariah Islamiyyah.

Terdapat beberapa peristiwa yang boleh dijadikan contoh kepada pemakaian bukti forensik dalam pembuktian dan penghukuman. Contoh kes pertama ialah daripada surah al-Nahl ayat ke 43 dan al-Anbiya ayat ke 7 berkaitan perintah Allah s.w.t. supaya merujuk kepada pakar sekiranya

tidak mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut (W. M. al-Zuhaylī, 2009). M. M. al-Zuhaylī (1982) menyatakan bahawa ayat ini menyeru orang awam yang tidak mempunyai pengetahuan, kemahiran mahupun kepakaran dalam sesuatu bidang supaya merujuk kepada mereka yang lebih berpengetahuan, berkemahiran dan pakar dalam bidang tersebut. Rentetan itu, huraian ini mengutamakan agar sumber manusia diperkemaskan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman dari aspek latihan sebagai syarat pelengkap menjadi seorang pakar yang berautoriti.

Contoh kes kedua boleh diambil melalui kisah Nabi Ya'kub a.s. dengan anak-anaknya yang lain setelah mereka meninggalkan Nabi Yusuf a.s. di dalam sebuah telaga. Kisah ini telah dirakamkan dalam surah Yusuf ayat 16 hingga 18. Dapatkan daripada kisah ini menunjukkan bagaimana Nabi Ya'kub a.s. bertindak seperti penyiasat forensik dalam melakukan siasatan terhadap baju nabi Yusuf a.s. yang dibawa oleh anak-anaknya. Baginda mendapati bahawa baju tersebut dalam keadaan elok dan tiada kesan koyak seakan dirobek oleh serigala (Ibnu Kathir, 1999). Baginda juga mendapati bahawa darah yang terdapat pada pakaian tersebut adalah palsu dan bukanlah darah manusia. Bahkan ia adalah darah kambing atau rusa yang disembelih terlebih dahulu (al-Qurtubi, 2006).

Contoh kes ketiga pula menerusi sebuah hadis saih yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī (2001), bernombor 6770 (dan juga melalui beberapa hadis dari periyawatan lain). Mujazziz Al-Mudlīj yang merupakan seorang *qa'iif* yang terkenal dikalangan orang-orang Arab. Al-Khaṭīb al-Sharbinī (1994) telah menyatakan bahawa Usamah dan Zaid merupakan bapa dan anak kerana mempunyai ciri-ciri kemiripan pada anggota badan yang yang sama. Al-Khaṭīb al-Sharbinī (1994) turut menakrifkan bahawa *qa'iif* adalah seseorang pakar yang mahir menganalisa kesan dan jejak manusia yang ditinggalkan. Al-Ramlī (1984) pula menyatakan bahawa *qiyafah* ialah suatu tindakan pengikutan atau penelitian terhadap jejak dan kesamaan atau kemiripan. Rasulullah s.a.w. turut pernah menjadi *qa'iif* dalam kes Hilal bin Umayah yang berkaitan dengan li'an di mana Rasulullah s.a.w. sendiri menyatakan seandainya anak tersebut memiliki anak mata yang hitam, berpaha besar dan betis yang berisi, maka sifat-sifat ini lebih mirip kepada Shuraik bin Sahma'. Menurut Ahmad Syukran (2017a), pada zaman teknologi sekarang, kepakaran *qa'iif* boleh dianalogikan dengan kepakaran bidang pewarisan genetik, *footwear impression* (kesan kasut), *footprint analysis* (kesan tapak kaki), dan *tire track examination* (pemeriksaan kesan tayar).

Contoh kes keempat ialah kisah Saidina Ali r.a. yang pernah menyelesaikan kes zina pada zaman pemerintahan Saidina Umar r.a.. Saidina Ali r.a. menyelesaikannya dengan melakukan analisis sains yang ringkas terhadap sampel air mani yang dijadikan sebagai bahan bukti terhadap pengakuan yang dibuat oleh seorang wanita. Wanita tersebut telah terpikat dengan seorang lelaki Ansar, tetapi tidak diendahkan oleh lelaki tersebut lalu telah melumurkan putih telur pada beberapa bahagian pakaiannya dan anggota badannya sebagai bukti berlaku hubungan antara mereka. Lalu perempuan itu mendakwa bahawa mereka telah melakukan zina (Ibnu Qayyim, 2011). Saidina Ali r.a. melakukan analisis terhadap bukti tersebut dengan mencurahkan air panas padanya untuk menguji ketulenan bukti tersebut. Tindak balas antara air panas (sebagai reagen) dengan putih telur menjelaskan bahawa tuduhan tersebut adalah palsu (Ahmad Syukran, 2017a).

Empat contoh kes ini memperlihatkan sebahagian daripada aplikasi konsep fiqh forensik. Konsep ini dapat dilihat sebagai sebuah pengaplikasian kefahaman fiqh dari pelbagai aspek dalam konteks asimilasi sains forensik dalam perundangan Islam. McEwen (2010) menyatakan bahawa pengumpulan bukti forensik dan penggunaan sains forensik menjadi penting untuk bukan sahaja penyiasatan jenayah bahkan dalam pendakwaan. Ianya penting kerana bukti forensik dapat memenuhi beberapa peranan dalam pelbagai kes, antaranya ialah membuktikan jenayah telah dilakukan atau menubuhkan unsur utama jenayah, mengaitkan suspek dengan mangsa atau

tempat kejadian, menyatakan identiti orang yang dikaitkan dengan jenayah, membuktikan bahawa seseorang itu tidak bersalah, menguatkan keterangan mangsa, dan membantu dalam mewujudkan fakta tentang apa yang telah berlaku (Fisher, 2004). Bahkan, aplikasinya dalam menyelesaikan kes berkaitan kekeluargaan dan muamalat juga memperlihatkan fleksibiliti sains forensik dalam membantu penyelesaian kes. Maka, secara kolektifnya, konsep fiqh forensik yang dimaksudkan boleh diterjemahkan sebagai aplikasi sains forensik dalam kerangka fiqh al-Islamiy.

## 2.2 Tinjauan Modul Berkaitan Aplikasi Fiqh Forensik

Umumnya, literatur yang dikategorikan dalam bahagian ini adalah meliputi modul kurikulum dan latihan sedia ada yang diajar dan dijalankan ke atas sasaran sama ada sebelum sasaran mula berkhidmat sebagai pegawai syariah mahupun semasa dan selepas diterima ke dalam perkhidmatan. Bermula pada 3 Julai 1996, Kabinet Malaysia yang bersidang telah meluluskan proses penstruktur semula institusi kehakiman Syariah seluruh Malaysia yang merupakan sebahagian daripada jawatan tertinggi dalam institusi perundangan Syariah Malaysia. Beberapa tindakan yang telah dilakukan hasil daripada proses penstruktur semula tersebut termasuk cadangan-cadangan mengemaskini struktur perjawatan bagi pegawai-pegawai Syariah. Hal ini turut termasuk memperuntukkan pelbagai syarat perjawatan bagi jawatan pegawai-pegawai Syariah dari aspek kurikulum, latihan serta pengalaman berkerja (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 2018). Sejak itu, terdapat hierarki bagi jawatan hakim mahkamah Syariah yang setiap satunya dikhatusukan kepada peranan, jenis kes, kelayakan, dan tahap mahkamah yang berbeza. Syarat kelayakan untuk menjadi hakim Syariah adalah perlu bermula dengan pengalaman sebagai pegawai Syariah biasa terlebih dahulu. Maka, wajar untuk ditinjau kurikulum sains forensik yang telah dilalui oleh pegawai Syariah secara amnya sebagaimana disebut dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 (2016).

Walaupun Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (1993) tidak menetapkan sebarang kriteria khusus berkenaan kurirulum teras yang perlu difahami pegawai-pegawai Syariah, namun pekeliling perkhidmatan yang dikeluarkan telah mensyaratkan agar pegawai Syariah wajib mempunyai latar belakang pendidikan Syariah sama ada diploma profesional atau ijazah sarjana muda perundangan Syariah dari institusi yang diiktiraf (Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, 2016). Meninjau modul kurikulum bagi sains forensik yang terdapat dalam kurikulum yang dilalui sehingga kini, masih belum terdapat sebarang modul kurikulum khusus yang menghimpunkan sains forensik sebagai sebuah integrasi dalam subjek-subjek fiqh terutamanya Fiqh Jinayat. Hal ini adalah seperti yang telah disebutkan oleh Kadi (2006) berlaku antara lainnya disebabkan impak dari pemisahan sains dengan agama yang terhasil dari sistem pendidikan dualistik dunia semenjak kejatuhan empayar Islam bermula kurun ke-13 selepas hijrah.

Jika dianalisis program-program kurikulum yang dilalui oleh pegawai Syariah di Malaysia, program diploma profesional bagi pegawai Syariah telah bermula lebih dari suku abad (1980an) yang lalu bertujuan memberikan servis profesional kepada pegawai-pegawai di mahkamah (Najibah, 2012). Program ini secara umumnya adalah program berstruktur yang menawarkan pengetahuan dan latihan kepada hakim-hakim Syariah dan pentadbiran. Antara universiti yang menawarkan program seperti ini adalah *Diploma in Syariah Law and Legal Practice* (DSLP) dan *Diploma in Law and Administration of Islamic Judiciary* (DAIJ) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUMCRESCENT, 2016a, 2016b), *Diploma in Administration of Judiciary and Islamic Legal Practice* (DAIJ) di Universiti Kebangsaan Malaysia (Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM, 2016), *Diploma in Islamic Judicial and Advocatory Practice* (DIJAP) di Universiti Sains Islam

Malaysia(Center for Graduate Studies USIM, 2018), dan Diploma Syariah Latihan dan Amalan (DSLA) di Universiti Teknologi MARA (Fakulti Undang-undang UiTM, 2015). Bahkan, ada juga yang distruktur semula dan diletakkan di bawah Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang di Universiti Malaya (B.Sh.L.) (Siti Zubaidah & Muhammad Zahiri, 2012). Jadual 1, 2 dan 3 menghimpunkan senarai universiti, program dan subjek yang ditawarkan.

**Jadual 1:** Senarai Universiti, Program dan Subjek yang Ditawarkan dalam Program berkaitan Kehakiman

Universiti	Program Diploma	Subjek yang ditawarkan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	Diploma in Syariah Law and Legal Practice (DSLP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Sistem Perundangan Islam</li> <li>(ii) Sistem Undang-undang Malaysia</li> <li>(iii) Instrumen Perancangan Harta Islam &amp; Pentadbiran Pusaka</li> <li>(iv) Undang-undang Jenayah Islam</li> <li>(v) Undang-undang Keterangan Islam</li> <li>(vi) Kepeguanan &amp; Etika</li> <li>(vii) Undang-undang Keluarga Islam</li> <li>(viii) Isu Undang-undang Perlembagaan</li> <li>(ix) Prosedur Jenayah Mahkamah Syariah</li> <li>(x) Prosedur Mal Mahkamah Syariah</li> <li>(xi) Undang-undang Muamalat dan Perlaksanaannya</li> </ul>
	Diploma in Law and Administration of Islamic Judiciary (DAIJ)	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Teks Undang-Undang (Arabic)</li> <li>(ii) Undang-Undang Keluarga</li> <li>(iii) Sistem Perundangan Islam</li> <li>(iv) Sistem Undang-Undang Malaysia</li> <li>(v) Kaedah Kajian &amp; Mooting</li> <li>(vi) Kaedah-Kaedah Feqah</li> <li>(vii) Acara Jenayah Mahkamah Syariah</li> <li>(viii) Undang-Undang Keterangan</li> <li>(ix) Undang-undang Jenayah Islam</li> <li>(x) Acara Mal Mahkamah Syariah</li> <li>(xi) Pengurusan Harta Pesaka</li> </ul>

**Jadual 2:** Senarai Universiti, Program dan Subjek yang Ditawarkan dalam Program berkaitan Kehakiman

Universiti dan Program	Subjek yang ditawarkan
Universiti Kebangsaan Malaysia Diploma in Administration of Judiciary and Islamic Legal Practice (DAIJ)	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pentadbiran Kehakiman Islam</li> <li>(ii) Guaman Islam</li> <li>(iii) Metodologi Teks Fiqh</li> <li>(iv) Undang-undang Keterangan di Mahkamah Syariah</li> <li>(v) Pentadbiran Harta di Mahkamah Syariah</li> <li>(vi) Bacaan Kes</li> <li>(vii) Tatacara Jenayah di Mahkamah Syariah</li> <li>(viii) Tatacara Mal di Mahkamah Syariah</li> <li>(ix) Konflik Undang-undang Syariah dan Sivil di Malaysia</li> <li>(x) Pengurusan Konflik</li> <li>(xi) Moot/Mock dan Penempatan di Mahkamah Syariah</li> </ul>
Universiti Sains Islam Malaysia Diploma in Islamic Judicial and Advocacy Practice (DIJAP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Legal Firm</li> <li>(ii) Arabic Language For Judicial And Advocacy Practice</li> <li>(iii) Administration of Islamic Law In Malaysia</li> <li>(iv) Islamic Criminal Law in Malaysia</li> <li>(v) Islamic Law of Evidence in Malaysia</li> <li>(vi) Islamic Family Law in Malaysia</li> <li>(vii) Administration of Islamic Law of Property</li> <li>(viii) Syariah Court Civil Procedure</li> <li>(ix) Syariah Judiciary and Advocacy Practice</li> <li>(x) Syariah Court Criminal Procedure</li> <li>(xi) Negotiation Skills and Suh</li> <li>(xii) Skills for Case Submission and Judgment</li> <li>(xiii) Industrial Training</li> </ul>

**Jadual 3:** Senarai Universiti, Program dan Subjek yang Ditawarkan dalam Program berkaitan Kehakiman

Universiti dan Program	Subjek yang ditawarkan
Universiti Teknologi MARA Diploma Syariah Latihan dan Amalan (DSLA)	(i) Islamic Jurisprudence I (ii) Islamic Family Law (iii) Islamic Criminal Law (iv) Mal Procedure (v) Islamic Judicial System and Advocacy (vi) Syarie Legal Writing (vii) Islamic Jurisprudence II (viii) Islamic Law of Property and Succession (ix) Islamic Law of Evidence (x) Islamic Criminal Procedure (xi) Trial and Advocacy

Dalam tinjauan yang dilakukan, terdapat modul bagi subjek atau topik seperti *al-qarīnah* dan *ra'y al-khabir* dalam penawaran sijil-sijil tersebut yang membincangkan berkenaan isu berkaitan sains forensik. Namun modul tersebut tidak terperinci atas beberapa faktor utama antaranya adalah (Ahmad Syukran, 2017b):

- 1) Keterbatasan waktu untuk memfokuskan berkenaan konsep sains forensik dengan fiqh.
- 2) Kepesatan pembangunan teknologi dalam sains forensik yang perlu diselaraskan dengan hukum fiqh semasa.
- 3) Ruang lingkup yang sangat besar dan masa yang lebih perlu diperuntukkan bagi mendalami konsep integrasi fiqh dan sains forensik.

Modul-modul bagi subjek ini, yang diajar melalui modul kurikulum undang-undang keterangan Islam adalah meliputi perbahasan *wasā'il al-ithbāt*. Umumnya ia merangkumi *istidlāl* (pendalilan) dalam penggunaan *al-qarīnah* dan penerimanya serta aplikasi dan hubungan dengan metode pembuktian yang lain dalam perundangan Islam. Tiada elaborasi yang spesifik ditemui dalam aspek pendidikan sains forensik melainkan atas usaha tenaga pengajar dan inisiatif yang dilakukan oleh pelajar. Hal ini turut didapati dalam penawaran ijazah profesional. Tiada modul berkaitan sains forensik sama ada kurikulum atau latihan dalam penawaran-penawaran tersebut dalam kursus utama. Hal ini adalah mungkin kerana standard pengiktirafan melalui garis panduan yang telah dicadangkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (2015) kepada institusi yang terbabit. Jelas, keseluruhannya sebarang kurikulum berkaitan perundangan, perlu selaras dan menepati kualiti yang telah digariskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (2015) yang menyarankan garis panduan cadangan bagi kursus wajib, keperluan, dan elektif. Walaubagaimanapun, tidak ada satu pun yang memfokuskan kepada kurikulum berkenaan sains forensik melainkan dari subjek ‘pembuktian’ yang memberi ruang terlalu kecil kepada pembuktian melalui sains forensik untuk dipelajari.

Kesimpulannya, sama ada kurikulum perundangan sivil mahupun syariah, tidak ada kurikulum yang benar-benar berfokus sains forensik/pembuktian saintifik pada mana-mana tahap.

Dari satu sudut yang lain khususnya dari aspek latihan, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan yang ditubuhkan pada tahun 1993 telah mengorak langkah lebih jauh dalam mewujudkan struktur kurikulum dan latihan tambahan berkaitan sains forensik bagi perundangan sivil. Walaupun fokus ILKAP adalah terhadap perundangan sivil dan institusi di bawah pentadbiran kerajaan pusat, namun, latihan tersebut masih melibatkan autoriti syariah dalam amanah yang kecil. Hal ini sejajar dengan tujuan ILKAP iaitu menambahbaik pengetahuan, kemahiran, dan kualiti terhadap pegawai-pegawai kerajaan, badan-badan perundangan, dan agensi penguatkuasaan tempatan yang terlibat dengan kehakiman dan tanggungjawab penguatkuasaan bagi memberikan servis yang benar-benar adil dan saksama. Struktur-struktur tersebut telah dirangka secara sistematik dan terarah termasuklah modul-modul melibatkan sains forensik (Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), 2016a, 2016b). Melalui kaedah kumpulan sasaran, ILKAP sangat konsisten dalam pengajuran kursus latihan dalam bidang sains forensik. Dalam tempoh lima tahun kebelakangan, dilaporkan ILKAP telah melaksanakan latihan berkaitan sains forensik menggunakan modul-modul berikut (Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), 2011, 2012, 2013, 2014, 2015):

- 1) Penyiasatan Blog dan Forensik Pengkomputeran (*Blog Investigation and Computer Forensic*)
- 2) Peranan Sains Forensik dalam Kes-Kes Sivil dan Jenayah (*The Role of Forensic Science in Civil and Criminal Cases*) (Modul 1-Polis Diraja Malaysia)
- 3) Peranan Sains Forensik dalam Kes-Kes Sivil dan Jenayah (*The Role of Forensic Science in Civil and Criminal Cases*) (Modul 2-Jabatan Kimia Malaysia)
- 4) Kursus Pemprofilan DNA (*DNA Profiling Course*)
- 5) Ceramah Umum berkaitan Pewujudan Semula Kejadian Jenayah dari Gambar-Gambar (*Forensic Lecture on Event Reconstruction from Images*)

Modul latihan ini sentiasa ditambahbaik oleh ILKAP dan diletakkan sebagai ‘wajib tahu’ dan ‘perlu tahu’ oleh Pejabat Peguam Negara dalam senarai Analisis Keperluan Latihan yang telah dijalankan (Pejabat Peguam Negara Malaysia, 2011).

Jika dilihat sebagai perbandingan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, yang juga mempunyai peranan sama seperti ILKAP, iaitu membina modal insan yang berada di bawah pentadbiran mereka juga telah melaksanakan pendekatan latihan dalam bidang sains forensik (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 2018). Modul ringkas bertajuk, ‘Kursus Forensik dan DNA Profiling’ juga telah dilaksanakan pada tahun 2015 dan 2016 membabitkan pegawai pendakwaan Syariah serta para hakim dan beberapa pegawai yang lain (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 2015, 2016). Malah, jika diperhatikan juga terdapat jabatan agama Islam negeri tertentu yang telah mengorak langkah dengan memperkenalkan kursus sains forensik seperti yang telah dilakukan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor pada tahun 2015 (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Selangor, 2015), dan pengisian khas berkenaan konsep fiqh forensik di Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan sebanyak dua sesi. Tiada modul terperinci diberikan, namun pengenalan awal telah dirangka dan disampaikan dalam sesi-sesi tersebut.

Bahagian pertama sorotan literatur telah membawa kepada penemuan pelbagai literatur menghubungkan antara sains forensik dengan perundangan Islam sehingga mencetuskan idea

dan konsep baru fiqh forensik. Apa yang nyata, masih belum ada sebarang kerangka lengkap yang wujud berasaskan konsep ‘fiqh forensik’. Bahagian kedua pula menemukan pelbagai kursus dan kurikulum yang berpotensi untuk dioptimumkan melalui pengajaran dan latihan sains forensik terhadap pegawai Syariah. Namun, tiada modul kurikulum dan latihan yang jelas serta lengkap telah diwujudkan dalam isu yang dibincangkan. Maka, dengan keterbatasan dan jurang kajian tersebut, didapati bahawa sebuah modul perlu dibina bagi mengisi jurang penyelidikan dan praktikal. Dalam merangka pembinaan modul, Sharifah Alwiah (1981) menghuraikan bahawa sesuatu bahan atau modul kurikulum hendaklah bersesuaian dengan tahap kebolehan dan kecerdasan orang yang dijadikan sasaran modul, bahkan, turutan langkah-langkah pembinaan modul juga harus dipatuhi akan dapat mencerminkan keperluan pengguna, juga supaya konsep, prinsip dan kemahiran yang dinyatakan atau dikemukakan akan mengambil kira kemampuan pengguna dan objektif modul dihasilkan. Selain itu, Sidek dan Jamaludin (2017) turut menegaskan sebelum sesuatu modul dicipta, adalah perlu untuk diambil kira faktor perbezaan individu. Hal ini dikira penting agar matlamat modul akan dapat dicapai dengan mudah. Maka, kajian ini merupakan kajian awalan bagi merangka pembinaan modul tersebut.

### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian awalan ini menggunakan metode tinjauan terhadap sumber primer dan sekunder bagi data yang telah dikumpul. Data telah dikumpul dengan menggunakan pelbagai kaedah pengumpulan samada secara kepustakaan ataupun laporan-laporan rasmi jabatan. Seterusnya data telah dianalisis dengan menggunakan pendekatan deduktif terhadap literatur yang membina konsep kajian dan kerangka modul. Manakala pendekatan induktif pula digunakan terhadap sumber-sumber sekunder yang menghasilkan kesimpulan umum dari data yang khusus.

### **4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan daripada tinjauan ini adalah wujudnya keperluan untuk mengusulkan pembinaan modul khusus bagi memperkasakan modal insan iaitu pegawai-pegawai syariah. Hal ini berdasarkan beberapa asas yang dirangkumkan seperti dalam perbincangan berikut.

Pertamanya, bukti saintifik adalah suatu perkara yang tidak asing lagi dalam medan pembuktian di mahkamah sivil. Tetapi, hal yang sebaliknya berlaku di Mahkamah Syariah. Walaupun undang-undang keterangan Islam di Malaysia mempunyai peruntukan yang lebih kurang sama dengan peruntukan dalam Akta Keterangan 1950 mengenai keterangan pakar (Ruzman, 2008), namun, dari aspek pemakaian peruntukan ini, Mahkamah Syariah kelihatan agak ketinggalan. Hal ini jelas kelihatan apabila hakim-hakim Mahkamah Syariah tidak membahaskan atau menafsirkan seksyen berkenaan keterangan pakar di dalam undang-undang keterangan Islam secara terperinci berbanding dengan hakim-hakim Mahkamah Sivil (Mohd Sabree, Mohamad Afandi, Mohd Al Adib, & Abu Suffian, 2017). Bahkan, penulisan daripada pengamal undang-undang seperti para peguam dan juga para ahli akademik tidak banyak menafsirkan dan membahaskan seksyen berkaitan pendapat pakar yang termaktub dalam enakmen keterangan Mahkamah Syariah (Mohd Sabree et al., 2017).

Institusi perundangan Islam di negeri-negeri mempunyai undang-undang mengenai hal ini, akan tetapi tiada sebarang tafsiran atau huraian terperinci yang dilakukan oleh pegawai-pegawai syariah terhadap peruntukan tersebut. Sedangkan tafsiran undang-undang adalah sesuatu yang penting untuk membolehkan kita mudah memahami kehendak sesuatu peruntukan undang-undang itu. Namun, ilmu dan kemahiran dalam perihal saintifik yang tidak cukup akan membawa kepada

penfsiran yang tidak tepat. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat suatu jurang ilmiah yang perlu diperbaiki demi memperkasakan institusi-institusi perundangan Islam di Malaysia.

Penerimaan keterangan saintifik adalah suatu cabaran yang perlu dihadapi oleh pegawai-pegawai syariah yang ada di institusi-institusi perundangan Islam di Malaysia. Merujuk kepada teks ucapan mantan Ketua Hakim Negara Malaysia, Tun Abdul Hamid (2014), ketika beliau mengulas mengenai pelaksanaan syariah Perintah Kanun Hukuman Jenayah 2013 oleh kerajaan Brunei, beliau mempersoalkan bagaimana praktis bagi pegawai Syariah termasuk hakim dalam menangani bukti saintifik di mahkamah mereka nanti. Apa-apa keputusan dibuat kemudian akan memaparkan kualiti penghakiman dan akan dilihat seluruh dunia. Hal ini kerana sebelum ini mereka hanya banyak memberi tumpuan kepada aspek pembuktian selain daripada pembuktian saintifik seperti pengakuan, kesaksian, dokumentar, dan lain-lain. Scenario yang sama turut diamalkan di institusi-institusi perundangan Islam di Malaysia. Dari sini dapat dilihat bberapa pentingnya seseorang pegawai syariah untuk mempunyai pemahaman yang baik terhadap asas-asas forensik agar penghujahan dan penghakiman dapat diberikan dan diolah dengan baik serta dapat menangkis segala tentang yang bakal dihadapi. Melalui pernyataan ini dapat difahami bahawa modul kurikulum dan latihan perlu diwujudkan bagi memberi kefahaman yang jelas kepada golongan sasaran khususnya pegawai-pegawai Syariah. Walaupun konteksnya di Brunei, namun Malaysia sudah lama mengamalkan praktis berkaitan sains forensik dalam perundangan Syariah. Akan tetapi, masih ketiadaan modul khusus berkenaan perkara ini dan hasilnya membawa kepada pelbagai kesan negatif terhadap perundangan Syariah di Malaysia.

Tidak terhad kepada itu, praktikal sebenar yang telah diamalkan di beberapa buah Jabatan Agama Islam di semenanjung Malaysia memperlihatkan kepada keadaan yang agak tenat. Kajian Ahmad Syukran (2017b) melaporkan bahawa terdapat pelbagai masalah yang mungkin timbul akibat daripada praktikal yang salah dan tidak tepat dalam menguruskan bukti-bukti melibatkan sains forensik. Antara yang dilaporkan adalah:

- 1) Pengguguran kes untuk dibawa ke perbicaraan akibat daripada luputnya bahan bukti seperti arak yang disita.
- 2) Pengguguran kes untuk dibawa ke perbicaraan akibat daripada hilangnya bukti dari bendalir badan seperti kandungan alkohol yang hilang dari darah dalam badan. Hal ini diakibatkan oleh salahtadbir urus orang kena tuduh (OKT) dalam jagaan pegawai penguatkuasa.
- 3) Ketidakpatuhan dalam mematuhi jadual kalibrasi dan servis bagi instrumen sains forensik seperti *breathalyser* yang digunakan dalam jenayah minum arak.


Ketiadaan modul lengkap berkenaan praktikal yang merangkumi semua aspek yang terlibat jelas merupakan suatu lompong yang perlu diatasi. Maka, kewujudan modul ini sangat relevan dan kritikal pada masa ini.

Walaupun terdapat sebegini banyak literatur dan kajian yang memfokuskan penerimaan sains forensik dalam perundangan Islam (Ahmad Syukran, 2017b), sehingga kini, masih belum terdapat sebuah modul khusus bagi kurikulum dan latihan. Ketiadaan modul seperti ini secara tidak langsung memberi isyarat bahawa sesuatu perlu dilakukan bagi mengatasi permasalahan tersebut. Hal ini adalah kerana bidang sains forensik adalah antara bidang yang paling pantas berkembang. Pengabaian dalam pengaplikasian sains forensik secara tersusun dan teratur akan menatijahkan impak yang negatif kepada perundangan Islam.

Pembongkaran yang dilakukan oleh *The Innocence Project* di Amerika Syarikat yang melaporkan dan memohon membuka semula fail kes dan siasatan berkaitan pembuktian melalui forensik yang tidak tepat menimbulkan pelbagai isu (Scheck, Dwyer, Neufeld, & Boatman, 2000). Projek ini menemukan pelbagai kes pensabitan bersalah melalui bantuan daripada bukti saintifik, sebenarnya adalah tidak bersalah. Hal ini adalah disebabkan ketiadaan kurikulum khusus yang komprehensif bagi membendung dan memandu arah fundamental sains forensik tersebut ke suatu landasan yang tepat. Maka timbul isu-isu yang tidak sepatutnya berlaku berkaitan sumber manusia, etika dalam analisis, akreditasi dan salah interpretasi eksibit. *The Innocence Project* tidak perlu ditubuhkan di Malaysia bagi menilai semula pengaplikasian sains forensik dalam perundangan Islam hanya selepas pelbagai isu timbul. Maka, adalah lebih baik jika sebuah modul sebagai perintis kepada hala tuju pengaplikasian sains forensik dalam kerangka perundangan Islam dengan lebih luas dibina.

Seterusnya, trend terkini dalam isu berkaitan perundangan di Malaysia adalah melibatkan kewibawaan institusi perundangan Islam. Selain tercabar kerana pertindihan bidang kuasa pada isu-isu sensitif, sistem perundangan Islam dilihat tidak terkehadapan dalam mendepani arus teknologi dan sains. Seperti yang telah dibicarakan, sains forensik dilihat seolah-olah asing kepada perundangan Islam dan hal ini boleh menyebabkan institusi terlibat ketinggalan dalam memberi pengadilan sewajarnya dengan menggunakan aplikasi bukti semasa.

Kajian ini mencadangkan pembinaan sebuah modul berlandaskan kerangka dalam Rajah 1:



**Rajah 1:** Kerangka Pembinaan Modul Teras Fiqh Forensik adaptasi Model Sidek (Sidek & Jamaludin, 2017)

Kerangka pembinaan modul ini mempunyai dua fasa utama iaitu fasa pembinaan draf modul dan fasa pengujian modul. Kedua-dua fasa ini dipecahkan kepada lima fasa seperti yang tertera pada Rajah 1 di atas. Fasa pertama dan kedua melibatkan pembinaan draf modul kurikulum dan latihan Modul Teras Fiqh Forensik. Pada fasa ini, draf dibina menggunakan data-data primer dan sekunder yang dikumpul dengan menggunakan beberapa kajian termasuklah kajian kepustakaan, temubual, dan soalselidik.

Kemudian, data yang dikumpul akan dianalisa menggunakan kaedah analisa kandungan dengan mengadaptasikan penalaran deduktif dan induktif. Fasa ketiga ialah draf modul kurikulum dan latihan akan disatukan dan dihimpunkan. Setelah itu, kajian rintis akan dilakukan terhadap draf

modul yang telah disatukan dan dihimpunkan. Jumlah dan saiz sampel pegawai-pegawai syariah bagi tujuan kajian rintis akan ditentukan melalui jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Kemudian, pada fasa keempat, draf modul akan dinilai oleh dua orang pakar perundangan syariah, dua orang pakar forensik, dan seorang pakar modul bagi tujuan penilaian kesahan kandungan modul tersebut. Hasil penilaian pakar akan diukur menggunakan kaedah pengukuran Alpha Cronbach bagi mendapatkan keputusan kebolehpercayaan modul. Seterusnya pada fasa kelima, modul akan dinilai dari segi keberkesanannya. Penilaian ini akan dibuat menerusi peserta dari kalangan pegawai-pegawai syariah. Jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) akan digunakan bagi menentukan jumlah peserta yang diperlukan bagi penilaian keberkesanannya modul. Peserta yang telah mengikuti sesi kajian rintis tidak akan dipilih untuk sesi penilaian keberkesanannya bagi mengelakkan unsur berat sebelah dalam penilaian pada fasa kelima ini. Instrumen soal-selidik akan diedarkan kepada para peserta fasa kelima bagi mendapatkan data tahap keberkesanannya perlaksanaan modul.

Seandainya kajian rintis, penilaian kesahan, kebolehpercayaan, dan keberkesanannya terhadap modul pada tahap yang positif dan memuaskan, maka modul akan dikira sebagai modul yang bermutu dan telah lengkap serta sedia untuk digunakan. Akan tetapi, sekiranya keputusan pada tahap yang negatif dan tidak memuaskan, maka pembetulan perlu dilakukan terhadap kandungan modul dan proses pembetulan akan bermula dari fasa pertama sehingga fasa kelima.

## 5.0 KESIMPULAN

Kesimpulan yang dapat dicapai menerusi tinjauan awal ini adalah wujudnya keperluan untuk mengusulkan pembinaan modul khusus bagi memperkasakan modal insan iaitu pegawai-pegawai syariah termasuklah, penguatkuasa, pendakwa syarie, para hakim dan pendaftar dalam kerangka integrasi sains forensik dengan fiqh berdasarkan teori ‘fiqh forensik’. Pembinaan modul khusus yang dicadangkan adalah Modul Teras Fiqh Forensik berdasarkan pendekatan Model Sidek. Berdasarkan tinjauan awal ini juga, perlunya kajian lanjut dalam hal ini agar modul yang komprehensif meliputi kurikulum dan latihan amali dapat dihasilkan dengan jayanya.

## Penghargaan

Penghargaan diberikan terhadap pembiayaan yang disediakan oleh pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, USIM, melalui skim geran penyelidikan PPPI/FSU/0118/051000/16818 dan Institut Sains Islam (ISI) USIM. Penghargaan juga dirakamkan kepada penyelidik-penyalidik Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) atas kerjasama yang telah diberikan.

## Rujukan

- Abdul Hamid, M. (2014). *Pelaksanaan Hudud Di Brunei: Perbezaan Di Antara Brunei Dan Malaysia*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Diakses daripada [http://www.islam.gov.my/sites/default/files/bahagian/penyelidikan/tun\\_abdul\\_hamid\\_mohamad\\_-pelaksanaan\\_hudud\\_di\\_brunei.pdf](http://www.islam.gov.my/sites/default/files/bahagian/penyelidikan/tun_abdul_hamid_mohamad_-pelaksanaan_hudud_di_brunei.pdf) pada tarikh 9 Julai 2019
- Agensi Kelayakan Malaysia. (2015). *Programme Standard: Law and Shari'ah Law*. Petaling Jaya, Selangor: Malaysian Qualifications Agency.
- Ahmad Syukran, B. (2014). Fiqh Forensik: Pengenalan Fiqh Forensik. *Majalah Al-Ustaz*, 31, 68-69.
- Ahmad Syukran, B. (2017a). *Di Sebalik Fiqah Forensik* (Ed. 1.). Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.

- Ahmad Syukran, B. (2017b). *The Integration of Forensic Science Fundamentals and Al-Qarinah Towards Achieving Maqasid Al-Shari'ah*. (Falsafah Kedoktoran), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Ahmad Syukran, B., Aminuddin, R., & Abdul Rahim, Y. (2015). Prinsip Asas Sains Forensik dari Perspektif Islam: Suatu Sorotan Literatur. *Sains Humanika*, 4(2), 7-15.
- al-Bukhārī, M. I. (2001). *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad al-Mukhtaṣar min Umūri Rasūlillahi ᷣallallahu 'alaibi wasallam wa Sunanīhi wa Ayyāmīhi*. (Sunt. M. Z. Nasir. Ed. 1.). Kaherah: Dar Tawq An-Najah.
- al-Jurjānī, A. M. (1983). *al-Ta'rifāt* (Ed. 1.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Khaṭīb al-Sharbinī, M. A. (1994). *Mughnī al-Muḥtaṭ ilā Ma'rīsat Ma'anī alfaż al-Minhāj* (Ed. 1). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Qurtubi, M. A. (2006). *al-Jāmi' li-Aḥkām al-Qur'ān* (Sunt. A. A. Muhsin & R. Arqaswasi. Ed. 1.). Beirut: Mu'asasat al-Risalah.
- al-Ramlī, M. A. (1984). *Nihāyat al-Muḥtaṭ ilā Sharḥ al-Minhāj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Zuhaylī, M. M. (1982). *Wasa'il al-Ithbāt fī al-Shari'ah al-Islamiyyah fī al-Mu'amalāt al-Madaniyah wa al-Abwāl al-Shakhsiyah*. Dimashq: Maktabah Dar Al-Bayan.
- al-Zuhaylī, W. M. (2009). *al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj* (Ed. 10.). Dimashq: Dar al-Fikr.
- BIS Research. (2017). *Global Forensic Technology Market, Analysis & Forecast: 2016 to 2022; (Focus on the Forensic Technology by Type, by Application, and by Geography)*. Diakses daripada <https://bisresearch.com/industry-report/global-forensic-product-services-market-forecast.html> pada tarikh 9 Julai 2019
- Center for Graduate Studies USIM. (2018). Diploma in Judicial and Advocacy Practice (DIJAP). Diakses daripada <http://cgs.usim.edu.my/program-details/?pid=76> pada tarikh 9 Julai 2019
- Fakulti Undang-undang UiTM. (2015). LW601 - Postgraduate Diploma In Syariah Law and Practice. Diakses daripada <http://law.uitm.edu.my/v4/index.php/programmes/postgraduate/dlsa> pada tarikh 9 Julai 2019
- Fisher, B. A. J. (2004). *Techniques of Crime Scene Investigation* (Ed. 7.). Boca Raton: CRC Press LLC.
- Garner, B. A. (2009). *Black's Law Dictionary* (Sunt. B. A. Garner. Ed. 9.). United States: Thomson Reuters.
- Ibnu al-Athir, A.-M. M. (1979). *An-Nihayah fī Gharib Al-Hadith wa Al-Athar* (Sunt. T. A. Zawi & M. M. Al-Tanahī.). Beirut: Al-Maktabah Al-'Ilmiyah.
- Ibnu Kathir, I. U. (1999). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm* (Sunt. S. M. Salamah. Ed. 2.). Riyadh: Dar Thaibah.
- Ibnu Qayyim, M. A. B. (2011). *al-Turuq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shari'iyah* (Sunt. N. Ahmad. Ed. 1. Jil. 1). Mekah: Dar 'Alim al-Fawa'id.
- IIUMCRESCENT. (2016a). Diploma in Law and Administration of Islamic Judiciary (DAIJ). Diakses daripada <https://iiumgsm.com/diploma-in-law-and-administration-of-islamic-judiciary-daij/#1472716185836-ad11bc8c-b603> pada tarikh: 9 Julai 2019
- IIUMCRESCENT. (2016b). Diploma in Syariah Law and Legal Practice (DSLP). Diakses daripada <https://iiumgsm.com/diploma-in-syariah-law-and-legal-practice-dslp/#1472717523741-d8ab85cc-cf94> pada tarikh 8 Julai 2019
- Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). (2011). Laporan Tahunan 2011. Diakses daripada <http://www.ilkap.gov.my/download/laporantahunan/Laporan%20Tahunan%20ILKAP%202011-opt.pdf> pada tarikh 7 Julai 2019

- Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). (2012). Laporan Tahunan 2012. Diakses daripada <http://www.ilkap.gov.my/download/laporantahunan/Laporan%20Tahunan%20ILKAP%202012.pdf> pada tarikh 7 Julai 2019
- Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). (2013). Laporan Tahunan 2013. Diakses daripada <http://www.ilkap.gov.my/download/laporantahunan/ILKAP2013.pdf> pada tarikh 8 Julai 2019
- Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). (2014). Laporan Tahunan 2014. Diakses daripada <http://www.ilkap.gov.my/download/laporantahunan/ILKAP2014bi.pdf> pada tarikh 8 Julai 2019
- Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). (2015). Laporan Tahunan 2015. Diakses daripada <http://www.ilkap.gov.my/download/penerbitan/LaporanTahunanILKAP2015.pdf> pada tarikh 9 Julai 2019
- Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). (2016a). Corporate Information. Diakses daripada <http://www.ilkap.gov.my/english/about.php> pada tarikh 9 Julai 2019
- Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). (2016b). Training Division. Diakses daripada <http://www.ilkap.gov.my/english/khidmat.php> pada tarikh 7 Julai 2019
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2015). *Perancangan Tabunan Jabatan Kehakiman Syariah 2015*. Department of Syariah Judiciary Malaysia. Diakses daripada <http://syariah.perak.gov.my/images/beritaaktiviti/Perancangan%20Tahunan%202015%20JKSM.pdf> pada tarikh 8 Julai 2019
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2016). *Perancangan Tabunan Jabatan Kehakiman Syariah 2016*. Department of Syariah Judiciary Malaysia. Diakses daripada <http://pahang.jksm.gov.my/images/penerbitan/blueprint/blueprint2016/jksm/2016JKSM.pdf> pada tarikh 8 Julai 2019
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2018, 26 November). Background Of JKSM. Diakses daripada <http://www.jksm.gov.my/index.php/en/about-us/background/background-of-jksm> pada tarikh 8 Julai 2019
- Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. (2015). Forensic Science Courses. Diakses daripada <http://www.jakess.gov.my/v4/index.php/info-jabatan/arkib/berita/354-kursus-sains-forensik> pada tarikh 9 Julai 2019
- Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. (2016). *Pekeling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016*. Diakses daripada <http://docs.jpa.gov.my/docs/pp/2016/pp012016.pdf> pada tarikh 8 Julai 2019
- Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM. (2016). Brosur Program Diploma Pascasiswazah Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam. Di UKM (Ed.). Bangi: Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Kadi, W. (2006). Education in Islam—Myths and truths. *Comparative Education Review*, 50(3), 311-324.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- McEwen, T. (2010). *The Role and Impact of Forensic Evidence in the Criminal Justice System - Final Report*. Diambil daripada Alexandria: Institute for Law and Justice:
- Metwally, M. (2019). Forensic organizational psychology: shedding light on the positive repercussions of ethical leadership in forensic medicine. *Egyptian Journal of Forensic Sciences*, 9(1). 129-142doi:<https://doi.org/10.1186/s41935-019-0125-7>
- Mohd Sabree, N., Mohamad Afandi, M. I., Mohd Al Adib, S., & Abu Suffian, A. Y. (2017, 31 July - 1 Ogos). *Keterangan Pakar Sebagai Cara Pembuktian di Mahkamah Syariah*. Kertas kerja dibentang di E-

Proceeding of the 4<sup>th</sup> World Conference on Integration of Knowledge 2017, Bayview Beach Resort, Batu Ferringhi Beach, Pulau Pinang, Malaysia.

Najibah, M. Z. (2012). Training, Appointment, and Supervision of Islamic Judges in Malaysia. *Pacific Rim Law & Policy Journal*, 21(1), 115-131.

Pejabat Peguam Negara Malaysia. (2011). Training Need Analysis AGC. Diambil daripada Attorney General's Chambers Official Portal laman sesawang: [http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/AGCStaff/eform/Sumber\\_Manusia/Urusan-Latihan/TNA%20AGC%202012%2021-10-2011-Revised.docx](http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/AGCStaff/eform/Sumber_Manusia/Urusan-Latihan/TNA%20AGC%202012%2021-10-2011-Revised.docx) pada tarikh 7 Julai 2019

Ruzman, M. N. (2008). Kedudukan Bayyinah, Syahadah Dan Qarinah Dalam Penggubalan Undang-Undang Keterangan Islam Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 16(2), 345-366.

Scheck, B., Dwyer, J., Neufeld, P. J., & Boatman, M. (2000). *Actual innocence: Five days to execution, and other dispatches from the wrongly convicted*: Doubleday New York.

Sharifah Alwiah, A. (1981). Pengenalan Pengajaran Individu dengan Tumpuan Khas Kepada Modul Pengajaran dan Modul Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, 3(1), 54-62.

Sidek, M. N., & Jamaludin, A. (2017). *Pembinaan Modul: Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik* (Ed. 1.). Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Siti Zubaidah, I., & Muhammad Zahiri, A. M. (2012). *Kerelevan program pengajian undang-undang Islam dalam mendepani cabaran semasa: Pengalaman Universiti Malaya*. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education (ICERIALE) 2012.